



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

IKLAN JAWATAN KOSONG BERTARAF PERSONEL MYSTEP

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk menghadiri temu duga terbuka jawatan seperti yang berikut:

Jawatan	Kekosongan	Kadar Upah (RM)	Tarikh/Masa/Tempat Temu Duga
Penolong Eksekutif Pereka Grafik	6	1,900.00	DBP Ibu Pejabat

Taraf Perkhidmatan : Personel MySTEP

Jawatan : Penolong Eksekutif Pereka Grafik

Kelayakan Akademik : (i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya pada peringkat Sijil Penilaian Tinggi Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(ii) Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

- mengambil sekurang-kurangnya 6 subjek dalam SPM.
- peringkat Kepujian dalam dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM.

Kadar Upah : RM1,900.00

Keperluan bidang/ pengalaman bekerja : Keutamaan kepada pemohon yang mempunyai:

- diploma dalam bidang Reka Bentuk dan Multimedia atau Komunikasi Massa (Penerbitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- kemahiran menggunakan perisian (Adobe InDesign/Photoshop/Illustrator).
- kemahiran membuat reka bentuk/reka letak buku/mereka bentuk/mereka letak poster, gegantung dan latar pentas.
- pengalaman dalam bidang penerbitan buku secara teknikal.

Kemudahan : Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO

CARA MEMOHON

Pemohon yang memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah mendaftar dan memohon secara dalam talian melalui pautan [epengambilan.dbp.gov.my](http://pengambilan.dbp.gov.my).

Sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi melalui talian telefon atau e-mel yang berikut:

- Nombor Telefon: 03-2147 9346/9367 (9.00 pagi hingga 4.30 petang)
- E-mel: pengambilan@dbp.gov.my

Pemohon yang tidak menerima maklum balas permohonan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh akhir permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

Segala keputusan dalam urusan ini **muktamad**.

TARIKH AKHIR PERMOHONAN PADA 30 OGOS 2024

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka

(<https://lamanweb.dbp.gov.my/jawatan-kosong/>)